LOW YOU CHOY & YANG LAIN

lwn.

CHAN MUN KIT & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
WAN MOHAMED H
[GUAMAN SIVIL NO. S6-25-138-88]
26 MEI 1992

TORT: *Gantirugi am dan khas - Kecuaian - Persoalan jumlah gantirugi sahaja - Isu liabiliti dipersetujui - Persoalan kehilangan pendapatan - Pekerjaan tidak tetap - Samada plaintif bekerja sewaktu kemalangan atau tidak.*

Kedua-dua plaintif didalam kes ini menuntut gantirugi am dan khas bagi kecederaan dialami serta kehilangan pendapatan akibat satu kemalangan jalanraya diantara motosikal yang ditunggang oleh plaintif pertama dan diboncengi oleh plaintif kedua dengan sebuah kereta yang dipandu oleh defendan pertama. Isu liabiliti telah dipersetujui dengan tanggungan defendan sebanyak 70% dan plaintif 30%. Pertikaian yang memerlukan keputusan Mahkamah adalah mengenai isu kuantum sahaja.

Plaintif telah didapati tidak bekerja tetap dan tidak bekerja pada hari kemalangan berkenaan.

Plaintif pertama telah mengalami kecederaan dibahagian peha dan perlu dibedah sebanyak 2 kali serta meninggalkan 2 parut.

Plaintif kedua telah mengalami kecederaan di kepala, kehilangan kesedaran selama 1 hari serta buta mata kiri.

Diputuskan:

[1] Mengenai isu kehilangan pendapatan sungguhpun kedua-dua plaintif tidak bekerja pada hari kemalangan berkenaan tetapi pada hari sebelumnya mereka telah bekerja. Tidak bekerja pada satu atau dua hari tidak semestinya boleh disifatkan sebagai tidak mempunyai pekerjaan.

[2] Dari keterangan kedua-dua plaintif Mahkamah mendapati adalah munasabah plaintif pertama bekerja selama 10 bulan dan plaintif kedua selama 8 bulan dalam setahun walaupun mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap. Oleh sedemikian gantirugi bagi kehilangan pendapatan telah dibenarkan.

[3] Bagi kecederaan Mahkamah telah mengawadkan:

Kecederaan yang dialami oleh plaintif pertama ialah:

(a) patah tulang peha (femur) kanan yang tidak mengakibatkan ketidakupayaan yang kekal.	RM14,000
(b) keperluan dibedah 2 kali dan meninggalkan parut 14cm x 0.5 cm dipeha kanan tanpa keloid serta parut dipunggung kanan 4cm x 0.2cm tanpa keloid.	RM 4,000
	RM18,000

Kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua ialah:

(a) Patah pangkal depan kiri cranial fossa ke frontal bone serta subdural clot ditemporal pole kiri dan moderate ventricular dilatation.	RM 15,000

(b) Ketumbuhan fistula carotico-cavernous menyebabkan kecederaan pada saraf cranial kelima dan keenam kiri mengakibatkan kecacatan pemikiran dan sensory deafness telinga sebelah kiri.	RM 40,000
(c) mata kiri buta.	RM 50,000
	RM105,000

[4] Mahkamah juga telah mengawadkan gantirugi khas.

[Tuntutan kedua-dua plaintif dibenarkan.]

Kes yang dirujuk:
Dirkje Peiternella Halma lwn. Mohd. Noor bin Baharom & Yg. Ln. [1990] 1 CLJ (Rep) 99 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 28A(2)(d)

Bagi pihak plaintif - Chan Chow Wang; Sykt. Chan Chow Wang
Bagi pihak defendan - Aimee Liew; T/n. Mah-Kok & Din

PENGHAKIMAN

Wan Mohamed H:

Dua orang plaintif dalam kes ini menuntut gantirugi am dan khas, mengenai kecederaan-kecederaan yang dialami mereka dan kehilangan pendapatan akibat daripada satu kemalangan jalanraya yang melibatkan sebuah motosikal yang dipandu oleh plaintif pertama dengan plaintif kedua sebagai pemboncing, dengan sebuah kereta yang dipandu oleh defendan pertama. Kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa plaintif bertanggungjawab (liable) sekadar 30% dan defendan sekadar 70%. Mahkamah dikehendaki membuat keputusan berkenaan dengan quantum sahaja.

Kecederaan yang dialami oleh plaintif-plaintif adalah seperti yang terkandung dalam laporan doktor dan laporan doktor pakar yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Berhubung dengan kehilangan pendapatan, plaintif pertama dan plaintif kedua telah memberi keterangan dalam Mahkamah dan telah disoal balas oleh peguam pihak defendan.

Perkara yang dipertikaikan oleh kedua-dua pihak selain daripada jumlah award untuk kecederaan ialah berkenaan dengan pekerjaan plaintif pertama dan plaintif kedua. Peguam defendan manghujahkan bahawa kedua-dua plaintif tidak bekerja pada masa kemalangan itu berlaku, oleh itu, mengikut kes *Dirkje Peiternella Halma lwn. Mohd. Noor bin Baharom & Yg. Ln.* [1990] 3 MLJ 103, kehilangan pendapatan tidak sayugia diberi kepada plaintif.

Mahkamah tidak bersetuju dengan hujah peguam pihak defendan kerana kes *Dirkje Peiternella Halma lwn. Mohd. Noor bin Baharom & Yg. Ln.*, adalah berlainan dengan fakta kes ini. Sungguhpun kedua-dua plaintif pada hari kemalangan tidak bekerja, tetapi pada hari sebelumnya mereka telah bekerja. Satu atau dua hari tidak bekerja tidak boleh disifatkan seseorang itu tidak mempunyai pekerjaan. Walaubagaimanapun, Mahkamah bersetuju dengan peguam pihak defendan yang plaintif-plaintif tidak mempunyai pekerjaan yang tetap seperti kebanyakan tukang atau buruh yang mengambil upah atau bekerja dengan pemborong-pemborong. Mereka biasanya tidak bekerja sepanjang tahun atau bulan. Setelah siap sesuatu projek atau sesebuah rumah mereka terpaksa mencari kerja dengan pemborong yang lain atau

menunggu pemborong mendapat kontrak yang lain pula. Hal keadaan seperti ini terdapat daripada keterangan plaintif-plaintif sendiri dan juga majikan seperti saksi plaintif No. 2 dan saksi plaintif No. 4.

Berpandu kepada keterangan yang diberi oleh saksi pihak plaintif-plaintif dan plaintif-plaintif sendiri, adalah didapati munasabah bahawa plaintif pertama bekerja selama 10 bulan dalam setahun dan plaintif kedua bekerja selama 8 bulan dalam setahun.

Peguam pihak plaintif dan peguam pihak defendan telah memasukkan hujah bertulis berkenaan dengan jumlah gantirugi am dan gantirugi khas dan masing-masing telah merujukkan kepada beberapa kes. Setelah menghalusi dan membuat perbandingan di antara tiap-tiap satu kecederaan yang dialami oleh plaintif pertama dan plaintif kedua dengan kecederaan yang sama atau hampir sama dalam kes-kes yang dirujukkan, Mahkamah membuat keputusan taksiran seperti berikut:

(1) *Untuk plaintif pertama - Gantirugi Am*

(i) Kepatahan tulang peha (fractured right femur) tidak mengakibatkan ketidakupayaan yang kekal. Kepatahan telah sembuh. Peha kanan terkecil sedikit daripada peha kiri, lemah sedikit daripada kaki kanan semasa pemeriksaan dan akan hilang dalam masa yang tidak lama. Untuk ini Mahkamah mengawardkan sebanyak RM14,000.

(ii) plaintif pertama perlu dibedah pada dua tempat dan meninggalkan dua parut:

(a) parut di peha kanan 14 cm x 0.5 cm tanpa keloid;

dan

(b) parut di punggung sebelah kanan 4cm x 0.2 cm tanpa keloid.

Untuk ini Mahkamah mengawardkan RM4,000.

Gantirugi Khas

(i) Item-item yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak:

(a) Laporan Perubatan RM40

(b) Laporan Doktor Pakar RM230

(ii) Berkenaan dengan kehilangan pendapatan sebelum perbicaraan, peguam pihak plaintif menghujahkan bahawa plaintif mempunyai pendapatan RM1,000 sebulan dan tidak dapat bekerja selama 12 bulan. Peguam pihak defendan menghujahkan bahawa plaintif tidak bekerja pada masa kemalangan dan tidak berhak kepada kehilangan pendapatan. Mahkamah tidak dapat menerima hujah peguam pihak defendan sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Dengan kecederaan yang dialami oleh plaintif pertama akibat kemalangan tersebut Mahkamah dapati adalah munasabah yang beliau tidak dapat bekerja selama 10 bulan. Mahkamah bersetuju dengan saranan peguam pihak defendan yang mengatakan gaji plaintif pertama ialah RM920 sebulan. Oleh itu jumlah kehilangan pendapatannya ialah RM9,200.

(2) *Untuk plaintif kedua - Gantirugi Am*

plaintif kedua telah mengalami kecederaan-kecederaan sebagaimana yang tersebut dalam laporan doktor dan doktor pakar.

Kecederaan di kepala iaitu kepatahan pada pangkal bahagian depan sebelah kiri cranial fossa

membawa ke frontal bone sebelah kiri (and frontal sinus), terdapat darah beku (subdural clot) di temporal pole sebelah kiri dan moderate ventricular dilatation. Kecederaan ini menyebabkan plaintif kedua hilang kesedaran selama satu hari, mata kirinya buta dan lain-lain lagi.

(i) Untuk kepatahan yang tersebut di atas termasuk kesakitan dan penderitaan serta hilang kesedaran Mahkamah mengawardkan sebanyak RM15,000.

(ii) Untuk kehilangan penglihatan mata kiri Mahkamah mengawardkan RM50,000.

(iii) Untuk ketumbuhan (formation) fistula carotico-cavernous di sebelah kiri, selain daripada menyebabkan mata kiri buta, didapati juga bahawa kecederaan pada saraf (nerve) cranial yang kelima dan yang keenam (5th and 6th cranial nerve) di sebelah kiri. Untuk ini, kecacatan kepada pemikiran dan sensory deafness telinga sebelah kiri, dan hypoaesthesia di muka sebelah kiri, Mahkamah mengawardkan sebanyak RM40,000.

(iv) Untuk diabetes insipidus Mahkamah tidak membuat apa-apa award oleh kerana plaintif kedua tidak memberi peluang untuk doktor memberi rawatan dan membuat penaksiran di atas penyakit ini. Laporan doktor berkenaan dengan perkara ini berbunyi:

> A third admission on 4 September 1987 till 8 September 1987 revealed that patient has developed diabetes insipidus. He complained of feeling thirsty all the time and drinks a lot as well as passes out a lot of urine. He was referred to the endocrinologist for management of the diabetes insipidus but patient absconded from the ward on 8 September 1987.

Oleh itu jumlah gantirugi am untuk plaintif kedua ialah RM105,000 dan 70% daripadanya ialah RM73,500.

Gantirugi Khas

(i) Bayaran untuk laporan perubatan RM40 (dipersetujui oleh kedua-dua pihak).

(ii) Tambang teksi plaintif kedua untuk berulang ke Hospital Besar Kuala Lumpur sebanyak 15 kali, RM150 adalah berpatutan.

(iii) Kehilangan pendapatan dari tarikh kemalangan hingga tarikh perbicaraan (11 Mac 1991) - 3 tahun 8 bulan. Mengikut keterangan yang diberi oleh plaintif kedua sendiri: “dalam bulan Julai 1987 saya bekerja dengan saksi plaintif No. 4 (plaintif pertama) hingga 13 Julai 1987, selama 5 atau 6 hari dan diberi gaji RM40 sehari” . Beliau juga menyatakan yang beliau bekerja selama 8 bulan dalam setahun, iaitu dalam tahun 1985 dan tahun 1986. Mahkamah dapati adalah menjadi kelaziman dan munasabah bagi seorang tukang cat seperti plaintif kedua ini bekerja sebanyak 22 hari sebulan dan pendapatannya ialah RM880 sebulan. Untuk tempoh 3 tahun 8 bulan plaintif kedua hanya bekerja selama 30 bulan. Oleh itu jumlah kehilangan pendapatan dari tarikh kemalangan hingga tarikh perbicaraan ialah RM26,400 dan 70% daripadanya ialah RM18,480.

(iv) *Kehilangan pendapatan bagi masa hadapan*

plaintif berumur 24 tahun pada tarikh kemalangan. Oleh itu kehilangan pendapatan masa depan mengikut s. 28A(2)(d) Civil Law Act 1956 hendaklah dikira selama 16 tahun. Pendapatan plaintif kedua dalam masa setahun ialah

RM880 x 8 = RM6,160.

plaintif kedua hilang penglihatan mata sebelah kiri. Mata sebelah kanannya tidak terjejas. Lain-lain kecederaan kekal akibat daripada kecederaan di kepalanya mungkin dapat dikurangkan jika beliau bersedia mendapat rawatan atau pembedahan selanjutnya. Lagipun tiada sebarang pengakuan atau pendapat doktor yang menyatakan bahawa beliau tidak akan

dapat bekerja langsung. Mahkamah dapati jika beliau ada kemahuan beliau mungkin mendapat 1/2 (separuh) daripada pendapatan atau sekurang-kurangnya RM3,000 setahun. Oleh itu Mahkamah dapati bahawa plaintif kedua hanya kehilangan sebanyak RM3,160 setahun dan untuk tempoh 16 tahun beliau akan kehilangan RM50,560 dan 70% daripadanya ialah RM35,392.

Perintah

defendan hendaklah membayar kepada plaintif pertama dan plaintif kedua seperti berikut:

(1) *Kepada plaintif pertama*

(a) *Gantirugi Am* - RM12,600 (70% daripada jumlah RM18,000).

(b) *Gantirugi Khas* - RM6,629 (70% daripada jumlah RM9,470).

(c) Defendan hendaklah membayar faedah biasa di atas kadar 8% setahun berkenaan dengan gantirugi am. Faedah biasa di atas kadar 3% setahun dikenakan di atas gantirugi khas.

(2) *Kepada plaintif kedua:*

(a) *Gantirugi Am* RM73,500 - (70% daripada jumlah RM105,000).

(b) *Gantirugi Khas:*

(i) Kos laporan doktor dan tambang menambang RM133 (70% daripada jumlah RM190).

(ii) Kehilangan pendapatan sebelum perbicaraan RM18,480 (70% daripada jumlah RM26,400).

(iii) Kehilangan pendapatan bagi masa hadapan RM35,392.

Jumlah gantirugi khas ialah RM54,005.

(c) Defendan hendaklah membayar faedah biasa di atas kadar 8% setahun untuk gantirugi am, dan untuk gantirugi khas, faedah biasa di atas kadar 3% setahun, tetapi tiada faedah untuk kehilangan pendapatan bagi masa hadapan.

(3) Defendan hendaklah membayar kos kepada pihak plaintif-plaintif yang akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

Also found at [1992] 3 CLJ 1550